



Keadaan banjir kilat yang melanda Botu 7 1/2 Hulu Klang, Rabu lalu.



Sebahagian taman perumahan di sekitar Kelapo Sauti, Kulai ditenggelami banjir kilat, Rabu lalu.

**ELAK BENCANA ALAM, BANJIR KILAT**

# PBT perlu cekap urus air hujan

Manual Saliran Mesra Alam (MASMA) patut jadi panduan semua

**Oleh Badrul Kamal Zakaria**  
badrukamal@bh.com.my

► Tangkal

Sebuah pihak termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu mematuhi garis panduan Manual Saliran Mesra Alam (MASMA) bagi mengelak bencana alam termasuk banjir kilat yang sering berlaku terutama di kawasan bandar.

Timbilan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Harim Samuri, berkata jika semua pihak mematuhi garis panduan berkenaan, ia akan dapat mengelakkan kejadian banjir kilat daripada berulang.

Katanya, antara punca utama banjir kilat ialah sistem perparitan dan saliran yang kurang cekap ser-

ta tidak dibangunkan dengan sempurna.

"Semua pihak perlu memastikan sistem berkenaan tidak tersumbat dan mengelakkan pemengadangan kelodak tanah di kawasan bumi yang diteroi. Dalam erti kata lain, air hujan perlu diurus dengan sempurna dan cekap, sebagaimana yang terkadang dalam MASMA.

**Sistem perparitan tersumbat**

"Katakan sungai... sistem perparitan dan kawasan tadahan air di bawah taraf tetapi sistem perparitan tidak diuruskan dengan sempurna, maka akan berlaku banjir kilat," katanya kepada BH ketika ditemui di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kejadian banjir kilat yang melanda beberapa kawasan di Lembah Klang pada Rabu lalu berikutan hujan lebat berterusan lebih sejam dan kejadian sama yang berlaku di Johor Bahru pada Khamis.

Pada kejadian Rabu lalu, antara kawasan terjejas teruk adalah sebahagian Lebuhraya Lingkaran Tengah 2 di Hulu Klang berhampiran Zoo Negara serta di Botu 7 1/2 Hulu Klang apabila 46 keluarga terpaksa

meninggalkan rumah masing-masing kerana dinatiki air.

Dalam kejadian banjir kilat di Johor Bahru pula, antara kawasan yang terjejas adalah Kampung Maja Jaya, Kampung Bunga Rans, Kampung Kangkar Tebrau dan Kampung Faya Kemangan.

Menurut Pegawai Pertahanan Awaras Daerah Johor Bahru, Kapten (PA) Mohd Aziz Jupri, pihaknya difahamkan, kejadian banjir kilat di Kampung Maja Jaya adalah disebabkan sistem perparitan yang tersumbat.

Hasnim berkata, perkara paling penting dalam mengatasi masalah banjir kilat di kawasan bandar adalah semua sistem perparitan dan rebatan banjir perlu disussulkan dengan perubahan iklim yang agak serius pada masa ini.

Katanya, keadaan ini juga disebabkan corak taburan hujan yang tinggi dan keadaan musim hujan berubah hingga menyebabkan negeri yang sepatutnya mengalami musim kering tetapi menjadi musim basah.

"Taburan hujan pada masa tertentu juga memecah hampir dua kali ganda berbanding rekod terdahulu. Contohnya, kalau dahulu sepatutnya hanya 30 millimeter

(mm), kini dah jadi 60 mm.

**Ambil kira perubahan iklim**

"Justeru, kita perlu melihat perkara ini secara menyeluruh. Ini termasuk reka bentuk dan juga pengurusan menginsurinya perlu mengambil kira keadaan perubahan iklim yang serius," katanya.

Beliau berkata, MASMA juga hanya boleh diperkukuh dan berfungsi dengan baik sekiranya cadangan Rang Undang-Undang Sumber Air Negara yang dicadangkan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dapat diguna pakai semua kerajaan negeri.

"Rang undang-undang ini tidak hanya berkaitan soal pengurusan bekalan air, tetapi turut merangka kumi keseluruhan pengurusan sumber air termasuk hujan, sistem pengairan, sistem pengaliran, tadahan, tuai, ekstrak air bawah tanah, selain soal keselamatan seperti kawasan tadahan, kolam dan rekreasi.

"Rang undang-undang yang dicadangkan ini juga akan memberi kuasa sepenuhnya kepada setiap kerajaan negeri menguruskan sumber air mereka sendiri termasuk juga isu banjir kilat," katanya.



Harim Samuri, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

Rang undang-undang yang dicadangkan ini juga akan memberi kuasa sepenuhnya kepada setiap kerajaan negeri menguruskan sumber air mereka sendiri termasuk juga isu banjir kilat"

**Harim Samuri,**  
Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar